

# Sekolah Kebangsaan diperkasa

Berita Harian 11/06/2010 M15 B12

## Empat strategi diguna pakai bagi tingkat prestasi pelajar, kemahiran guru

**S**ISTEM pendidikan adalah elemen penting untuk mengukuhkan daya saing negara dalam membangunkan Malaysia, justeru status sekolah kebangsaan (SK) akan terus diperkukuhkan bagi menjadikannya sebagai sekolah pilihan melalui peningkatan pawaian dalam merapatkan jurang prestasinya.

Bagi mempercepatkan penambahbaikan prestasi pelajar secara berkesan, berterusan dan menyeluruh, kerajaan tidak hanya menumpu kepada aspek fizikal, tetapi juga kepada aspek yang memberikan impak besar kepada prestasi pelajar seperti kualiti guru dan kepimpinan sekolah.

Selaras dengan pengalaman pelaksanaan sistem pendidikan terbaik dunia dan keperluan menghasilkan peningkatan prestasi pelajar yang signifikan, empat strategi akan diguna pakai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Antaranya memastikan setiap kanak-kanak boleh berjaya, menjadikan seko-

lah bertanggungjawab terhadap prestasi pelajar, membuat pelaburan bagi membangunkan kepemimpinan unggul di setiap sekolah dan meningkatkan daya tarikan profesion keguruan dan menghasilkan guru terbaik.

Bagi memastikan setiap kanak-kanak boleh berjaya beberapa perkara penting iaitu penyediaan asas pendidikan kukuh kepada lebih ramai kanak-kanak iaitu membangunkan program pembangunan awal kanak-kanak berumur empat tahun ke bawah (PERMATA) akan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kadar enrolmen pendidikan prasekolah juga dijadikan fokus dengan sasaran 92 peratus pelajar mengikuti pengajian prasekolah pada 2015 berbanding sasaran 87 peratus pada 2012 membabitkan peruntukan sebanyak RM2 bilion.

Langkah termasuk merendahkan umur bagi permulaan persekolahan adalah perlu daripada enam tahun se-

belum ini kepada lima tahun selaras dengan amalan yang dilaksanakan beberapa negara maju.

Selain itu, penguasaan pelajar terhadap numerasi dan literasi tidak boleh diabaikan selain berusaha memartabatkan bahasa Melayu dan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris (MMBBMBI) perlu diperkukuhkan

Bagi memastikan sekolah bertanggungjawab terhadap prestasi pelajar, pelbagai usaha perlu dilaksanakan termasuk meningkatkan prestasi semua sekolah melalui

program peningkatan kualiti secara menyeluruh termasuk melakukan penyenggaraan kedudukan prestasi sekolah.

Dalam pada itu, pelaburan terhadap kepimpinan unggul sekolah berprestasi tinggi perlu memanfaatkan peranan guru besar dan pengetua sebagai penjana perubahan melalui latihan pemilihan ketat dan latihan intensif untuk mereka

Selain itu kementerian pelajaran juga memperkenalkan bai'ah atau tawaran baru bagi guru besar dan pengetua

sekolah iaitu satu pendekatan baru dalam pengurusan pencapaian kewangan yang akan memberikan ganjaran kewangan dan bukan kewangan bagi mereka yang berprestasi cemerlang.

Ketika ini, hanya kira-kira dua peratus pengetua dan guru besar layak menerima ganjaran di bawah program ini dan pada 2012 sasaran itu dijangka meningkat sehingga lima peratus.

Kerajaan juga menyasarkan melatih sekurang-kurangnya 14,000 pemimpin sekolah dan pegawai pendidikan setiap tahun berbanding hanya sekitar 8,000 dilatih pada 2009.

Kaedah penyampaian latihan di IAB juga akan berubah daripada berasaskan syarahan kepada penekanan terhadap pembelajaran berdasarkan pengalaman.

Kualiti guru juga akan dipertingkatkan dengan menggetatkan lagi syarat kemasukan bagi mengikuti kursus perguruan bagi meningkatkan profesion keguruan yang hanya menerima calon terbaik.

## Standard kursus IPT dinaik taraf selaras MQF

**S**EMUA kurikulum dan kursus institusi pengajian tinggi akan disemak semula dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), manakala pencapaian program dan pembelajaran akan diselaraskan dengan keperluan industri dan majikan.

Sebanyak 2,370 program sedia adakan disemak semula bagi memastikan pematuhan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

Ia akan dibuat berdasarkan kepada dua prinsip iaitu kandungan kursus ditawarkan akan ditanda aras dengan kriteria dan pawaian dipersetujui pada peringkat nasional dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, serta MQF.

Semua politeknik akan disusun semula untuk menawarkan kursus pada peringkat diploma dan ijazah serta mengurangkan secara berperingkat kursus pada peringkat sijil menjelang akhir tempoh RMKe-10.

Kurikulum institusi pendidikan tinggi perlu memberi lebih penekanan terhadap pembelajaran

*Ikhwan*

### 5X TreatPoints dengan PETRONAS Ikhwan Visa

di Stesen Servis PETRONAS

\*Tertakuk kepada terma dan syarat.

**Maybank Islamic**

# Kurikulum baru terap nilai, prinsip 1Malaysia

**K**URIKULUM Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang sebelum ini dipraktikkan dan diguna pakai Kementerian Pelajaran akan diganti dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun depan, diikuti perubahan kurikulum baru bagi sekolah menengah.

Kurikulum berbentuk modular itu akan memberi peluang kepada setiap pelajar melalui proses pembelajaran mengikut kemampuan sendiri sambil memupuk sikap bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri menerusi aktiviti eksplorasi yang dapat menyerlahkan potensi pelajar selain turut menekankan kreativiti, inovasi dan keusahawanan merentasi semua mata pelajaran.

Langkah itu adalah satu daripada proses penambah-

baikan mekanisme penyampaian kepada sekolah yang memerlukan perubahan dalam proses kritikal yang memberi kesan secara langsung terhadap sekolah dan penempatan guru.

Bagaimanapun peningkatan ini memerlukan peningkatan produktiviti sumber manusia dan kewangan serta kemampuan penyampaian.

Selain itu kementerian juga akan melaksanakan 'Service Line' iaitu perkhidmatan khusus untuk membantu sekolah yang amat memerlukan antaranya bimbingan, bina upaya dan kemudahan peralatan sewajarnya.

Dalam memperkenalkan kurikulum baru itu, penerapan nilai dan prinsip 1Malaysia akan dilaksanakan sebagai pendekatan pedagogi dalam penyampaian pendidikan.



**KSSR dilaksana tahun depan akan dapat menyerlahkan potensi pelajar selain kreativiti, inovasi dan keusahawanan.**

Kurikulum baru ini juga akan menjadikan sukan sebagai subjek mata pelajaran utama bermula tahun depan melalui dasar 1Murid 1Sukan yang akan mewajibkan pelajar mengikuti aktiviti sukan pilihan selama 90 minit seminggu bagi sekolah menengah dan 60 minit bagi sekolah rendah.

Perubahan itu juga mem-

babitkan perubahan peruntukan geran sukan yang dinaikkan daripada RM2.40 kepada RM4 bagi sekolah rendah dan perubahan daripada RM4 kepada RM6 bagi sekolah menengah.

Dalam pada itu, pihak swasta juga digalakkan menyediakan pendidikan di semua peringkat bermula pra-sekolah sehingga ke pering-

kat pendidikan tinggi berikutan program yang ditawarkan pihak swasta yang semakin diterima kerajaan dan masyarakat.

Bagi menggalakkan usaha itu kerajaan akan melaksanakan pelbagai kaedah perkongsian awam-swasta dalam pengurusan sekolah dan pembiayaan yuran pelajar.

hadap pembangunan kemahiran itu pelajar selaras maklum balas diterima daripada majikan.

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) akan terus memainkan peranan penting dalam pelaksanaan MQF sebagai asas jaminan kualiti pengajian tinggi dan pusat rujukan kriteria dan piawaian kelayakan nasional, dengan MQA akan memperluas kerjasama dengan agensi jaminan luar negara melalui pemeteraian 'Memorandum of Arrangement' sebagai usaha menetapkan tanda aras yang piawai dan membantu meningkatkan keupayaan anggotanya.

Usaha akan dipergiatkan untuk menambah bilangan staf akademik berkelayakan doktor falsafah (PhD) dengan menjelang akhir tempoh RMK-10, staf akademik berkelayakan PhD di universiti penyelidikan disasarkan sebanyak 75 peratus, manakala universiti awam lain 60 peratus.

Sejumlah RM2.26 bilion akan diperuntukkan bagi menyediakan biasiswa kepada 16,800 staf akademik melanjutkan pengajian di peringkat PhD.